

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim  
[ Kuala Selangor ]**

**TARIKH : 17.3.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan Hospital Perubatan dalam negara serta status bermulanya pembinaan Hospital Perubatan UiTM, Puncak Alam; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat membudayakan kreativiti dan inovasi bagi tujuan memperkasa modal insan pelajar sekali gus meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat tiga (3) Hospital Pengajar Universiti yang telah beroperasi, iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dan akan membangunkan tujuh (7) lagi Hospital Pengajar Universiti, iaitu:
  - i. Hospital Pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
  - ii. Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM);

- iii. Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- iv. Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- v. Hospital Pengajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- vi. Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);  
dan
- vii. Hospital Pengajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Berhubung pembangunan Hospital Pengajar UiTM, ia kini dalam peringkat rundingan Senarai Kuantiti (*Bil Of Quantity*) sebelum dibawa untuk kelulusan Jemaah Menteri.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa mengalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, reka cipta dan reka bentuk bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti serta meningkatkan profesionalisme dan daya saing di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Sebagai contoh, antara kejayaan pada tahun ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah memenangi 4 pingat emas di Pameran Penyelidik Muda Antarabangsa dan politeknik memenangi satu (1) pingat emas dan dua (2) pingat perak dalam pertandingan Asian Youth Innovation Awards 2014.

Antara kejayaan lain yang dicapai ialah politeknik memenangi 11 anugerah emas dan 11 perak di 24<sup>th</sup> International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX'13). Selain daripada itu, dalam Pertandingan Robocon 2013, *Robot Soccer Worldcup 2013*, pasukan daripada IPT dan politeknik tempatan telah berjaya mendapat 3 pingat emas, 2 perak dan 4 gangsa. Di samping itu IPT seperti USM, UKM, UNITEN dan UTM telah berjaya mempromosikan produk berpotensi untuk dikomesialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagi meneruskan kecemerlangan dalam bidang kokurikulum, KPM akan menyusun semula aktiviti kokurikulum sedia ada di semua peringkat agar lebih komprehensif dan bersesuaian dengan gelombang baru teknologi dan inovasi terkini. Selain itu, semakan kurikulum dilaksanakan bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran dan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti dan menepati objektif program.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga telah memberi penekanan terhadap aspek inovasi dan kreativiti melalui projek agenda kritikal terutamanya dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Budaya penerokaan baru di kalangan ahli akademik dan pelajar telah menjadi fokus utama dalam usaha memperkayakan khazanah ilmu dan pengkomersilan produk daripada aktiviti berkenaan.

Selain daripada itu, jaringan kerjasama dan kolaborasi antara universiti, industri termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kerajaan juga diwujudkan bagi melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan mempunyai nilai kebolehpasaran.